

Tuesday, 20 August 2019

## Untung bersih KLCC Property meningkat



© Provided by Media Prima

KUALA LUMPUR: Keuntungan bersih KLCC Property Holdings Bhd bagi suku kedua yang berakhir 30 Jun 2019, meningkat kepada RM180.38 juta daripada RM179.15 juta dalam suku yang sama tahun lalu.

Peningkatan itu disokong oleh hasil tinggi sebanyak RM351.09 juta daripada RM345.0 juta sebelumnya, kata syarikat itu dalam makluman kepada Bursa Malaysia hari ini.

KLCC Property berkata, keseluruhan prestasi kumpulan dijangka stabil, disokong oleh rancangan pajakan jangka panjang segmen pejabat.

Syarikat itu berkata, segmen runcit dijangka terjejas sedikit oleh penyusunan semula di gedung membeli belahnya yang bermula pada April 2019 dan fasa pertama dijangka selesai pada akhir tahun.

Sementara itu, hotel akan terus beroperasi dalam persekitaran yang kompetitif berikutan peningkatan inventori bilik di kawasan KLCC, serta outlet makanan dan minuman baharu.

Syarikat itu dalam makluman berasingan mencadangkan untuk meminda dan menyatakan semula Stapling Deed 2013 menerusi Stapling Deed Dipinda dan Dinyatakan Semula.

Cadangan pindaan dan pernyataan semula itu adalah bertujuan untuk menyelaraskan Stapling Deed 2013 sejajar dengan garis panduan Amanah Pelaburan Hartanah Tersenarai yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti pada 15 Mac 2018 (yang kemudiannya disemak semula pada 18 Jun 2019), keperluan penyenaraian dan Akta Syarikat, 2016, serta mengemas kini Stapling Deed 2013.

-BERNAMA

(Source: <https://klccnet.petronas.com/Media%20Clippings/Pages/Untung-bersih-KLCC-Property-meningkat.aspx>)